



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Disember 06, 2012

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS
PERKHIDMATAN

| A- | A |
A+ | ENGLISH

Berita » UPM kedudukan ketiga terbaik portal/laman web IPTA



SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan peningkatan dalam penyediaan **laman web dan portal** dengan mendapat kedudukan ketiga daripada 12 terbaik antara 20 institusi pengajian tinggi (IPTA) pada tahun 2012 berbanding kedudukan kesepuluh dan 4 bintang pada tahun sebelumnya.

UPM yang berkongsi kedudukan dengan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) mencatatkan skor 92 dan mendapat lima bintang. Kedudukan pertama dikongsi oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang mendapat skor 94 sementara kedudukan kedua dengan skor 93 diraih oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM).

Keputusan itu juga meletakkan UPM di kedudukan sebelas daripada 77 **Kedudukan Portal Keseluruhan** yang dinilai terhadap 554 agensi-agens kerajaan dengan mendapat skor 92 dan lima bintang.

Penilaian dibuat dari segi isi kandungan, kebolehgunaan, keselamatan, penyertaan dan bonus yang terdapat dalam portal laman web.

Tahun 2012 menandakan tahun ke-7 Portal Kerajaan Malaysia dan Penilaian Laman Web (MGPWA) dijalankan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) bertujuan untuk menyokong agensi-agens kerajaan dalam mempromosikan perkhidmatan dalam talian dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat melalui laman web atau portal.

Portal myGovernment bertindak sebagai gerbang tunggal untuk agensi kerajaan di Malaysia. MGPWA juga boleh dianggap sebagai parameter portal / laman web atau rujukan bagi agensi-agens dari segi penyampaian perkhidmatan.

